

MSC teroka projek aplikasi perdana di Syria

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad

BH 10/8/02

MALAYSIA dijangka meneroka dua atau tiga projek teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) di Syria yang membabitkan sebahagian besar aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) melalui kunjungan Multimedia Development Corp (MDC) ke negara itu bermula semalam.

Walaupun tidak dapat ditentukan jenis projek terbabit, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MDC, Datuk Dr Mohamed Arif Nun berkata, mungkin antara dua atau tiga projek bakal diterokai yang membabitkan aplikasi perdana MSC itu.

Bagaimanapun, beliau menegaskan MDC harus bertindak profesional dengan melihat keperluan negara itu dalam penggunaan aplikasi untuk memastikan keberke-

sanannya secara kajian serta perbincangan sebelum mengenal pasti aplikasi yang terbaik untuk dilaksanakan di situ.

"Antara aplikasi perdana yang terbukti berjaya masa kini ialah pembangunan kad pelbagai guna atau MyKad dan kami menjangka teknologi itu berupaya memberi kesan besar terhadap pentadbiran serta pembangunan negara itu.

"Kejayaan Malaysia mengetengahkan teknologi MSC kepada negara ini yang dianggap sebagai pasaran baru muncul adalah penting untuk perkembangan negara.

"Tambah lagi Malaysia perlu mencroakai pasaran baru ke arah mengembangkan keunggulannya dalam penghasilan teknologi termaju khususnya untuk mempromosikan MSC kepada negara sebelah sini.

"Melalui pembabitkan projek ICT itu juga, ia sekaligus mampu membuktikan keunggulan negara dalam pembangunan teknologi termaju masa kini dan secara tidak langsung mengetengahkan kemudahan dan perisian yang dihasilkan oleh tenaga tempatan," katanya kepada *Berita Komputer* di Kuala Lumpur, kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Anugerah Usahawan IT Muda HSBC (YITEA) 2004. Hadir sama ialah Pengarah Eksekutif yang juga Pemangku CEO HSBC Bank Malaysia Berhad (HSBC), John Coverdale.

Syria menjadisasaran negara seterusnya dalam mempromosikan kejayaan ICT negara khususnya MSC selepas Algeria mengadakan perjanjian perdagangan dan memorandum persefahaman mengenai kerjasama dalam ICT hasil

kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu, awal minggu ini.

Selain kedua-dua negara berusaha mewujudkan kerjasama bagi meningkatkan hubungan perdagangan, Malaysia akan memberi tunjuk ajar kepada Algeria dalam bidang ICT.

Dr Mohamed Arif berkata, MSC kini berjaya tnewujudkan kesan hesar kepada dunia dengan kejayaan terutnma dalam pembangunan aplikasi atau teknologi termaju menjadi tarikan utama kepada negara membangun lain untuk menggunakannya.

"MSC yang baru saja meraikan ulang tahun ketujuh awal bulan ini terbukti berjaya menghasilkan teknologi yang bukan saja mampu tneningkatkan ekonomi negara, turut memberi manfaat kepada syarikat multinasional serta negara lain," katanya.